A

SARJIT KAUR THARAM SINGH lwn. MEENA MUNIANDI; MAJLIS PEGUAM MALAYSIA (PENCELAH)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI H
[USUL PEMULA NO: 17D-3-09-2015]
B 21 JULAI 2016

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Tatatertib profesional – Salah laku – Jualan hartanah – Keputusan Lembaga Tatatertib memerintah perayu dibatalkan daripada Daftar Peguam Bela dan Peguam Cara – Rayuan terhadap keputusan –*
C *Alasan-alasan rayuan – Kegagalan menggubal tuduhan terhadap peguam – Lembaga Tatatertib menambah tiga dapatan sokongan sebagai tambahan kepada dapatan Jawatankuasa Tatatertib – Sama ada memprejudis pembelaan peguam – Sama ada peruntukan s. 103 Akta Profesion Undang-Undang 1976 dipatuhi*

D Responden telah menemui Sekaran a/l Kuppan, seorang kerani di suatu firma guaman dan dinasihatkan supaya membuat pindah milik tanah ibunya ('tanah tersebut') kepada dirinya untuk memudahkan permohonan pinjaman bank. Permohonan pinjaman wang tersebut gagal. Perayu, seorang peguam yang beramal di firma guaman mendakwa, antara lain, (i) bahawa dia diarahkan responden bagi menjual tanah tersebut; dan (ii) responden
E memasuki perjanjian jual beli tanah tersebut dengan seorang bernama Rewathi pada harga RM50,000 pada 28 Julai 2011. Responden juga dikatakan telah menandatangani satu surat pemberian kuasa bagi membenarkan perayu membuat bayaran semua hutang responden dan untuk menjelaskan yuran guaman. Responden sebaliknya menafikan
F menandatangani sebarang perjanjian jual beli. Satu penghakiman mahkamah dimasukkan terhadap responden bagi menyerahkan milikan kosong tanah tersebut kepada Rewathi. Terkilan, responden membuat aduan kepada Lembaga Tatatertib ('LT') dan Majlis Peguam Malaysia ('MPM') tentang dakwaan salah laku perayu. Lembaga Tatatertib dan MPM meminta perayu
G mengemukakan penjelasan tentang aduan responden. Setelah mendapati aduan responden berasas, LT melantik Jawatankuasa Tatatertib ('JT') bagi menjalankan siasatan lanjut. Jawatankuasa Tatatertib mendapati perayu bersalah dan mencadangkan agar nama perayu dibatalkan daripada Daftar Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya. Lembaga
H Tatatertib bersetuju dengan cadangan JT dan mengeluarkan perintah melalui surat bertarikh 15 Oktober 2015 menambah tiga lagi dapatan sokongan sebagai tambahan kepada dapatan JT. Oleh itu, perayu merayu terhadap keputusan tersebut atas alasan bahawa (i) JT dan LT gagal menggubal apa-apa tuduhan terhadap perayu; (ii) LT tersalah arah dalam asas beban pembuktian pihak-pihak; (iii) LT gagal mematuhi peruntukan s. 103 Akta
I Profesion Undang-Undang 1976 ('Akta') apabila gagal menyatakan sama ada cadangan JT 'disahkan' atau 'ditolak' semasa membuat keputusan; dan (iv) JT dan LT tersilap kerana mengambil kira perkara yang tidak dinyatakan dalam aduan responden semasa membuat keputusan.

Diputuskan (membenarkan rayuan tanpa kos):

(1) Tiada apa-apa peruntukan yang secara jelas menghendaki JT atau LT menggubal pertuduhan secara formal terhadap perayu. Hanya sesalinan aduan pengadu secara bertulis perlu dikemukakan kepada perayu oleh LT bagi membolehkan perayu menjawab aduan tersebut seperti yang diperuntukkan oleh s. 100(1)(b) Akta. Namun begitu, mahkamah terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Rajehgopal Velu v. Ganashalingam Rajah; Majlis Peguam Malaysia (Intervener)* yang menghendaki satu pertuduhan formal digubal bagi tindakan tatatertib terhadap perayu untuk membolehkan perayu tahu secara jelas dan spesifik pertuduhan yang bakal dihadapi. Dengan itu, perayu boleh menyediakan pembelaan yang sewajarnya dan perayu tidak boleh dibiarkan dalam keadaan mengagak-agak apakah pembelaan yang perlu diberi semasa membela diri. (perenggan 18 & 20)

(2) Aduan responden terhadap perayu adalah berasaskan jualan tanah tanpa kebenaran responden. Undang-undang mengenakan beban pada pihak yang mendakwa untuk membuktikan dakwaannya. Oleh itu, beban bagi membuktikan salah laku perayu sentiasa di bahu responden. Beban yang dipikul bagi membuktikan salah laku terhadap perayu adalah tanpa keraguan munasabah. Berdasarkan keterangan, responden didapati gagal melepaskan beban tersebut. Jawatankuasa Tatatertib tidak boleh memindahkan beban bukti tersebut atas bahu perayu untuk membuktikan dirinya tidak bersalah selagi responden gagal berbuat demikian. (perenggan 21 & 24)

(3) Ketinggalan perkataan yang menunjukkan LT mengesahkan atau menolak syor JT tidak menjadikan perintah tersebut tidak sah. Perintah tersebut secara jelas memperuntukkan bahawa LT telah mempertimbangkan laporan yang dikemukakan oleh JT dan setelah itu membuat perintah. Perintah menunjukkan LT bersetuju dengan syor JT lalu mengeluarkan perintah walaupun tidak secara langsung mengesahkan syor tersebut. Di samping itu, surat iringan bertarikh 15 Oktober 2015 yang diserahkan kepada perayu jelas menyatakan pengesahan LT tersebut. Dengan itu, perayu tidak diprejudis dengan ketinggalan tersebut. (perenggan 26)

(4) Semasa mempertimbangkan laporan, LT ditambah tiga lagi dapatan sokongan pada dapatan JT. Ketiga-tiga dapatan sokongan tersebut dijadikan sebahagian alasan bagi pihak LT mengesahkan syor JT untuk memerintahkan nama perayu dibatalkan daripada Daftar Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya. Oleh itu, perayu dinafikan hak pendengaran adil. Perayu tidak berpeluang membela diri terhadap ketiga-tiga dapatan sokongan tersebut kerana perkara tersebut bukan sebahagian daripada dakwaan terhadapnya. Dengan itu perayu telah diprejudis dengan penyenaraian tiga alasan sokongan baru oleh LT tersebut. (perenggan 28)

A **(5)** Prosiding di hadapan JT diselaputi kesilapan yang boleh menjejaskan keesahan dapatan dan syor yang dilaporkan kepada LT. Perintah LT yang berasaskan dapatan dan syor yang tidak sah tidak selamat untuk dipertahankan. LT semasa mempertimbangkan dapatan dan syor JT telah menambah alasan yang bukannya menjadi asas tindakan
B menjadikan perintah LT lebih mudarat. Perintah LT perlu diketepikan. (perenggan 34)

Kes-kes yang dirujuk:
Bar Malaysia v. Neasarani T Singara Thevar & Anor [2015] 8 CLJ 634 CA ***(dirujuk)***
Keith Sellar v. Lee Kwang And Tennakoon V Lee Kwang [1980] 1 LNS 36 FC ***(dirujuk)***
C *Lim Ts-Fei v. Lee Lai Tiam [2011] 1 LNS 685 HC* ***(dirujuk)***
Rajehgopal Velu v. Ganashalingam Rajah; Majlis Peguam Malaysia (Intervener) [2015] 8 CLJ 1202 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Legal Profession Act 1976, ss. 100(1)(b), (11), 103A, 103B(4), 103D(1), 103E(6)
Rules of Court 2012, O. 15 r. 6(2)(b)
D

Bagi pihak responden - Sharul Shabaathali; T/n Segaran & Assocs
Bagi pihak perayu - Sheanna Shanta Kenneth Velu; T/n Vidhya Sheanna Low & Partners
Bagi pihak pencelah - Danial Rahman Yang Razali; T/n Maxwell Kenion Cowdy & Jones

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel
E

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali H:

Pendahuluan

F **[1]** Ini adalah rayuan perayu melalui satu usul pemula terhadap keputusan Lembaga Tatatertib (LT), Majlis Peguam Malaysia (MPM) yang diputuskan pada 10 September 2015 menurut peruntukan s. 103 Akta Profesion Undang-Undang 1976 (Akta 166). Perayu telah didapati bersalah di atas aduan yang dikemukakan responden dan LT telah memerintahkan supaya nama perayu
G dinyahkan dari Daftar Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya.

[2] Di dalam rayuan ini, MPM telah membuat permohonan untuk mencelah di dalam rayuan ini berdasarkan peruntukan s. 103E(6) Akta 166 serta A. 15 k. 6(2)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan kebenaran telah
H diperoleh melalui perintah mahkamah bertarikh 18 November 2015.

Fakta Ringkas Pertikaian Pihak-Pihak

[3] Responden ialah pengadu yang juga anak guam kepada firma guaman Gurdip, Sarjit & Co (firma guaman tersebut). Perayu pula ialah peguam yang
I beramal di firma guaman tersebut.

[4] Pada sekitar bulan Disember 2010, responden ke firma guaman tersebut untuk mendapatkan khidmat guaman kerana memerlukan wang bagi membiayai pembelian sebuah lori. Responden telah menemui Sekaran a/l Kuppan, kerani di firma guaman tersebut dan telah dinasihatkan supaya membuat pindah milik tanah ibunya (tanah tersebut) kepada dirinya untuk memudahkan membuat pinjaman bank.

[5] Responden mendakwa bahawa dia telah diminta menandatangani beberapa dokumen yang mana dia sendiri tidak tahu isi kandungannya. Sementara menunggu pinjaman bank diluluskan, Sekaran a/l Kuppan telah memberikan pinjaman peribadi sebanyak RM15,000 dan responden berjanji membayar balik pinjaman tersebut setelah pinjaman bank diluluskan.

[6] Permohonan responden bagi pinjaman wang dengan bank gagal. Perayu mendakwa telah diarahkan responden bagi menjual tanah tersebut. Perayu juga mendakwa bahawa responden telah memasuki perjanjian jual beli tanah tersebut dengan Rewathi a/p Mathuriah pada harga RM50,000 pada 28 Julai 2011.

[7] Sebelum perjanjian jual beli ditandatangani, perayu mendakwa bahawa responden telah memperoleh pinjaman wang sebanyak RM24,900 dari Inderjeet Singh a/l Pertap Singh.

[8] Responden juga dikatakan telah menandatangani satu surat pemberian kuasa bagi membenarkan perayu membuat pembayaran semua hutang responden dan untuk menjelaskan yuran guaman.

[9] Responden sebaliknya menafikan telah menandatangani sebarang perjanjian jual beli dan pada sekitar bulan Julai 2010 dia berada di Kuala Lumpur kerana menjaga ayah angkatnya yang sedang sakit. Responden hanya sedar tanah tersebut telah berpindah milik kepada Rewathi a/p Mathuriah apabila ke Pejabat Tanah pada sekitar bulan November 2011.

[10] Satu penghakiman mahkamah telah dimasukkan terhadap responden bagi menyerahkan milikan kosong tanah tersebut kepada Rewathi a/p Mathuriah dan responden telah gagal mengetepikan perintah tersebut.

[11] Terkilan dengan keadaan tersebut, responden telah mengemukakan satu aduan bertarikh 10 Oktober 2013 kepada LT, MPM berkaitan dengan dakwaan salah laku perayu.

[12] Melalui surat bertarikh 4 Februari 2014 LT, MPM telah meminta perayu mengemukakan penjelasan di atas aduan responden. Setelah mendapati aduan responden berasas, LT telah melantik Jawatankuasa Tatatertib (JT) bagi menjalankan siasatan lanjut. JT telah menjalankan siasatan dengan memanggil saksi dari kedua-dua belah pihak dan di akhir siasatan telah mengemukakan satu laporan kepada LT. JT telah mendapati perayu bersalah di atas aduan responden dan telah mencadangkan supaya

A nama perayu dinyahkan dari Daftar Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya. LT bersetuju dengan cadangan JK tersebut dan telah mengeluarkan perintah melalui surat bertarikh 15 Oktober 2015.

Alasan Rayuan Perayu

B **[13]** Alasan rayuan yang dikemukakan perayu adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 3 hingga 5 afidavit tambahan perayu di lampiran 15 yang bolehlah diringkaskan sepertimana berikut:

(i) LT gagal memberikan pertimbangan sewajarnya di atas aduan responden apabila:

C

(a) Dengan salahnya meletak beban pembuktian di atas bahu perayu bagi membuktikan responden tidak berada di Ipoh semasa perjanjian jual beli ditandatangani.

(b) Meletakkan penekanan yang salah atas ketidakhadiran saksi pihak perayu dan telah dengan salahnya 'draw on adverse inference' terhadap perayu.

D

(c) Langsung gagal mengambil kira keterangan serta surat akuan bersumpah pembeli tanah tersebut serta keterangan sokongan suaminya berkaitan perbincangan dengan perayu berkaitan pembelian tanah tersebut.

E

(d) Dengan salahnya merumuskan bahawa adanya percanggahan di antara keterangan bertulis dan keterangan lisan perayu di atas isu siapakah yang sebenarnya mencari pembeli untuk tanah tersebut.

F

(e) Membuat keputusan yang salah apabila merumuskan bahawa tiada keterangan sokongan bagi membuktikan bahawa responden telah hadir bersama dengan pembeli di pejabat perayu untuk menandatangani perjanjian jual beli tanah tersebut, dan;

G

(f) Membuat rumusan yang salah berdasar pendapat sendiri dan syak wasangka sahaja berlawanan fakta kes, keterangan saksi dan dokumen-dokumen yang telah dikemukakan serta gagal menimbang asas beban bukti yang dikenakan kepada responden bagi membuktikan aduannya.

(ii) LT melalui surat bertarikh 15 Oktober 2015 telah menambahkan

H

dapatan lain bagi mendapati perayu bersalah iaitu:

(a) Berlakunya percanggahan kepentingan apabila perayu telah mewakili penjual dan pembeli semasa urusan jual beli tanah tersebut.

I

(b) Ketidakhadiran Inderjeet Singh yang memberi pinjaman peribadi kepada perayu sebagai saksi perayu, dan;

(c) Percanggahan di antara dokumen pinjaman, eksploitasi ke atas responden yang buta huruf dan menjadikan pejabat responden sebagai tempat pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen.

(iii) LT banyak membuat kesilapan serta ketinggalan semasa mencatat keterangan saksi dan dengan itu perayu telah diprejudis dengan nota keterangan yang tidak tepat.

Isu

[14] Di dalam hujahan, peguam perayu menumpukan kepada empat isu utama iaitu:

(i) JT dan LT gagal menggubal apa-apa tuduhan terhadap perayu;

(ii) LT telah salah arah dirinya mengenai asas beban pembuktian pihak-pihak dan silap memutuskan perayu bersalah di atas aduan salah laku;

(iii) LT gagal mematuhi peruntukan s. 103 Akta 166, iaitu tidak menyatakan sama ada cadangan JT 'disahkan' atau 'ditolak' semasa membuat keputusan; dan

(iv) JT atau LT silap kerana telah mengambil kira perkara tidak dinyatakan di dalam aduan pengadu semasa memutuskan perayu bersalah.

[15] Sementara itu, peguam responden dan peguam yang mewakili MPM pula mengemukakan hujahan yang mempertahankan keputusan JT dan LT. Keputusan JT yang disahkan LT telah dibuat bersandarkan keterangan dan beban bukti yang betul berdasarkan undang-undang yang berkaitan.

[16] Setelah meneliti dan menimbang rayuan yang dikemukakan melalui usul pemula perayu, afidavit-afidavit yang difailkan serta hujahan-hujahan yang dikemukakan peguam pihak-pihak, mahkamah ini berpandangan bahawa keempat-empat isu yang dihujahkan peguam perayu adalah bermerit untuk dipertimbangkan. Dengan itu, isu-isu tersebut akan diputuskan satu persatu.

Analisis Dan Dapatan Mahkamah

(i) Isu Penggubalan Tuduhan

[17] Ketiadaan tuduhan yang digubal secara formal oleh JT atau LT terhadap salah laku perayu sememangnya tidak dipertikaikan. Peguam MPM berhujah bahawa tidak ada keperluan di bawah Akta 166 bagi pihak JT atau LT menggubal tuduhan tersebut. Keputusan kes Mahkamah Tinggi di dalam kes *Lim Ts-Fei v. Lee Lai Tiam* [2011] 1 LNS 685; [2011] 6 MLJ 613 telah dirujuk. Namun begitu, peguam perayu berhujah bahawa kegagalan menggubal tuduhan di dalam tindakan tatatertib terhadap peguam seperti perayu adalah memudaratkan. Oleh kerana hukuman yang bakal diterima boleh membawa kepada kesan yang teruk, tuduhan yang jelas dan spesifik perlu digubal bagi membolehkan perayu menjawab tuduhan tersebut.

A Keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Rajehgopal Velu v. Ganashalingam Rajah; Majlis Peguam Malaysia (Intervener)* [2015] 8 CLJ 1202; [2016] 1 MLJ 406 dirujuk.

[18] Di dalam hal ini, prosiding tatatertib terhadap salah laku peguam termaktub di bawah Bahagian VII Akta 166. Seperti yang dihujahkan peguam
B MPM, sememangnya tidak ada sebarang peruntukan yang secara jelas menghendaki JT atau LT menggubal tuduhan secara formal terhadap perayu. Hanya sesalinan aduan pengadu secara bertulis perlu dikemukakan kepada perayu oleh LT bagi membolehkan perayu menjawab aduan tersebut seperti mana peruntukan s. 100(1)(b) Akta 166. Namun begitu, mahkamah ini
C terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan. Secara jelasnya di dalam kes *Rajehgopal Velu v. Ganashalingam Rajah (Majlis Peguam Malaysia, Intervener)* (*supra*) menghendaki satu tuduhan formal digubal bagi tindakan tatatertib terhadap peguam. Keputusan tersebut adalah sepertimana berikut:

> [14] On the first issue, it is not in dispute that no charge was framed
D against the appellant. In fact there is no requirement under the LPA 1976 for a charge to be framed against an advocate and solicitor.
>
> [15] Be that as it may, we note that the disciplinary proceedings initiated against an advocate and solicitor are serious and carry penal consequences such as a fine, suspension or being struck off the roll of advocates and
E solicitors. Accordingly, we agree with the view in *Abdullah Borhan v. Ketua Polis Melaka & Another* that the charge in question must be precisely formulated to include the specific accusation against the appellant who has the right to know and must have notice of the very nature of the charge at the first opportunity. This will enable the appellant to be forewarned with clarity and certainty the essential elements or ingredients
F against him in order to ensure that he can be forearmed in his defence for the purpose of directing all the evidence exclusively to the specific charge (see also the Privy Council's opinion in *B Surinder Singh Kanda v. The Government of The Federation of Malaya* [1962] 1 MLJ 169 (PC)). The view that in a disciplinary process, the respondent is only required to respond to the charge and nothing else was approved in *Lim Teng Ee Joyce*
G *v. Singapore Medical Council* [2005] SGHC 129.

[19] Secara prinsipnya, mahkamah ini turut bersetuju bahawa perayu yang menghadapi hukuman yang boleh menjejaskan 'periuk nasi' perlu tahu secara spesifik tuduhan yang dihadapi bagi membolehkan perayu membela diri. Secara prosedurnya, mahkamah ini mendapati bahawa setelah meneliti
H aduan responden dan jika mendapati ada asas pada aduan tersebut, LT hanya perlu menyerahkan aduan bertulis responden bagi perayu menjawab aduan tersebut berdasarkan peruntukan s. 100(1)(b) Akta 166. Setelah menimbang jawapan perayu dan LT masih memutuskan bahawa aduan responden ada meritnya, JT boleh dilantik di bawah sub-s. 100(11) Akta 166 bagi menyiasat
I secara formal aduan. Setelah pelantikan JT di bawah s. 103A Akta 166 dan sebelum sesuatu perbicaraan dilangsungkan, JT dikehendaki menyerahkan sekali lagi aduan bertulis responden berserta dokumen sokongan aduan

kepada perayu sepertimana kehendak sub-s. 103B(4) Akta 166. Ini bagi membolehkan perayu mengemukakan notis kepada JT untuk memberi jawapan baru atau tambahan kepada jawapan yang telah dikemukakan terlebih dahulu. Perayu juga boleh memberi notis untuk didengar di hadapan JT.

[20] Sekiranya perayu memilih untuk didengar di hadapan JT, mahkamah ini berpandangan bahawa satu tuduhan secara formal perlu digubal oleh JT bagi membolehkan perayu tahu secara jelas dan spesifik tuduhan yang bakal dihadapi. Dengan itu perayu boleh menyediakan pembelaan yang sewajarnya dan perayu tidak boleh dibiarkan di dalam keadaan mengagak-agak apakah pembelaan yang perlu diberikan semasa membela diri.

(ii) Isu Beban Pembuktian

[21] Aduan responden terhadap perayu adalah berasaskan kepada penjualan tanah tersebut. Perayu dikatakan telah menjual tanah tersebut tanpa kebenaran responden. Undang-undang mengenakan beban ke atas pihak yang mendakwa membuktikan dakwaannya. Beban yang dipikul bagi membuktikan salah laku terhadap perayu adalah tanpa keraguan yang munasabah. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Keith Sellar v. Lee Kwang And Tennakoon V Lee Kwang* [1980] 1 LNS 36; [1980] 2 MLJ 191 telah memutuskan:

> The second question is what burden of proof did the Disciplinary Committee apply in arriving at its findings. Looking at the grounds given in its statement of findings, the Disciplinary Committee although it made very firm findings unfortunately did not say expressly what standard of proof it adopted in arriving at its decision.
>
> First, what is the standard of proof required in such a proceeding? Very recently, this court in *Au Kong Weng v. The Bar Committee, State of Pahang* [1980] 2 MLJ 89 dealt with the same question and accepted the standard set by *Bhandari*'s case [1956] 3 All ER 742. Lord Tucker in that case approved the required standard established by the Court of Appeal in that in every allegation of professional misconduct involving an element of deceit or moral turpitude a high standard of proof is called for. The Court of Appeal also expressed the view that any body of professional men sitting in judgment on a colleague should not be content to condemn on a mere balance of probabilities.
>
> The standard of proof required in a proceeding of this type is proof beyond reasonable doubt. In the judgment of this court in *Au Kong Weng*'s case, the Chief Justice said:
>
> > It is a question for the committee to decide, first, whether the facts alleged in the charge had been proved beyond reasonable doubt and secondly whether the appellant in relation to those facts, was guilty of such conduct. The absence in the Committee's determination of any mention of the standard of proof does not justify an inference that it had failed to have regard to it.

[22] Berdasarkan nota prosiding (NP) JT, hanya responden memberi keterangan bagi pihak yang membuat dakwaan, manakala pihak perayu telah mengemukakan lima orang saksi memberi keterangan pembelaan (lihat ms. 165 hingga 196 afidavit tambahan perayu di lampiran 15 – eks. 'SK-6'). Setelah mendengar keterangan saksi, JT telah menyediakan laporan yang mengandungi dapatan dan syor JT kepada LT. Hasil penelitian ke atas dapatan (lihat ms. 190 hingga 196 eks. 'SK-6') didapati bahawa JT tidak menyatakan secara jelas apakah neraca pertimbangan yang digunakan. Oleh itu, keseluruhan dapatan perlu diteliti bagi menilai pertimbangan yang dibuat JT tersebut.

[23] JT di dalam dapatannya mengenai ketiadaan responden di Ipoh semasa perjanjian jual beli tanah tersebut ditandatangani telah membuat analisis ke atas keterangan yang ada. Setelah itu JT membuat dapatan berikut:

> In a case like this and in the interest of fairness to the Complainant, we cannot expect to find water tight evidence. In the circumstances, the DC is entitled to rely on the overwhelming corroborative and circumstantial evidence and draw its conclusion. Accordingly we came to the conclusion that the Complainant's property was sold off without her consent and or knowledge.

Hasil penelitian lanjut ke atas dapatan mendapati bahawa JT tidak menyatakan apakah 'overwhelming corroborative and circumstantial evidence' yang disandarkan semasa keputusan dibuat. Penjelasan tersebut penting bagi menentukan bahawa JT tidak tersalah arah semasa membuat pertimbangan ke atas keterangan yang ada. Nampaknya, JT di dalam membuat pertimbangan terlalu menitikberatkan keterangan yang diberikan responden yang jelas tidak ada keterangan sokongan atau disokong dengan keterangan ikut keadaan.

[24] Hakikatnya, responden gagal mengemukakan keterangan yang dia tidak berada di Ipoh pada masa yang material. Beban bagi membuktikan salah laku perayu sentiasa di bahu responden. Dari keterangan yang ada di dalam NP, adalah didapati bahawa responden gagal melepaskan beban tersebut. Sehubungan dengan itu, JT tidak boleh memindahkan beban bukti tersebut ke atas bahu perayu untuk membuktikan dirinya tidak bersalah selagi mana responden gagal berbuat demikian.

(iii) Isu Pematuhan Peruntukan s. 103D Akta 166

[25] Peguam perayu juga berhujah bahawa LT gagal menyatakan secara jelas sama ada mengesahkan atau menolak dapatan dan syor JT di dalam perintah yang dibuat, bertentangan dengan kehendak undang-undang. Untuk memudahkan rujukan, peruntukan s. 103D(1) Akta 166 adalah sepertimana berikut:

> 103D. Consideration by the Disciplinary Board of the report of the Disciplinary Committee
>
> (1) After consideration of the report of the Disciplinary Committee, the Disciplinary Board may make an order affirming or rejecting the finding or recommendation of the Disciplinary Committee and if the Disciplinary Board rejects the finding or recommendation of the Disciplinary Committee, the Disciplinary Board shall record the reason for the rejection.

Sementara itu, perintah LT bertarikh 10 September 2015 adalah seperti mana berikut:

> In exercise of the powers conferred by section 103D of the Legal Profession Act 1976 (the Act), the Disciplinary Board having on 10 September 2015 considered the Report made by the Disciplinary committee on the complaint against the Respondent, IT IS HEREBY ORDERED that the Respondent be struck off the Roll of Advocates and Solicitors of the High court of Malaya to take effect twenty-one (21) days from the date of this order.

[26] Jika diteliti perintah LT, sememangnya tidak ada perkataan yang menunjukkan LT mengesahkan atau menolak syor JT. Persoalannya adakah ketinggalan tersebut memudaratkan? Mahkamah ini berpandangan bahawa ketinggalan tersebut tidaklah menjadikan perintah tersebut tidak sah. Perintah tersebut secara jelas memperuntukkan bahawa LT telah mempertimbangkan laporan yang dikemukakan JT dan setelah itu membuat perintah. Dari segi pemahamannya, perintah menunjukkan LT bersetuju dengan syor JT lalu mengeluarkan perintah walaupun tidak secara langsung mengesahkan syor tersebut. Di samping itu, surat iringan bertarikh 15 September 2015 yang diserahkan kepada perayu secara jelas menyatakan pengesahan LT tersebut (lihat eks. 'SK-1' afidavit sokongan perayu di lampiran 2). Dengan itu perayu tidak diprejudis dengan ketinggalan tersebut. Persoalan berkaitan isu ini perlu dijawab secara negatif.

(iv) Isu LT Mengambil Kira Perkara Selain Dari Aduan Responden

[27] LT melalui suratnya bertarikh 15 Oktober 2015 yang melampirkan NP yang dipohon perayu telah turut menyertakan alasan keputusan yang dipertimbangkan LT yang petikan dari minit mesyuarat bertarikh 10 September 2015. Bagi memudahkan rujukan, keseluruhan kandungan surat tersebut diperturunkan sepertimana berikut:

> Ms Sarjit Kaur d/o Tharam Singh
> c/o Messs Gurdip Sarjit & Co.
> Advocates & Solisitors
> No. 124, 1st Floor
> Jalan Sultan Yussuf
> 30000 Ipoh, Perak
>
> Dear Sirs,
>
> Re: Complaint No : DC/13/8927
> Complainant : Meena a/p Muniand

A Respondent : Sarjit Kaur d/o Tharam Singh
of Messrs Gurdip Sarjit & Co.

---

1. We refer to your letter dated 21.9.2015 on the above matter.

2. As requested, enclosed herewith the Report of Disciplinary Committee B together with the Notes of Proceedings for your attention.

3. We append below the grounds of decision of the Disciplinary Board as extracted from the minutes of the Board meeting held on 10.9.2015:

Decision: Having scrutinised the evidence given at the DC inquiry and the documentary evidence found in the record of Complaint, C the Board accepted the findings of DC and its recommendation. The Board however added that the DC's findings can also be supported for the following reasons:

a) Conflict of interest

D R has acted for the vendor and the purchaser in the sale and purchase agreement she prepared. Wearing two hats is always inappropriate for a professional and more so for a lawyer. R also acted for the so-called lender Indeerjit and C the borrower. This is not only wrong and against all the principles of fairness. What is worse is that having acted for E both parties in the sales and purchase R chose to file proceedings against C for vacant possession purporting to act for the purchaser. This is absolutely wrong. What is clear is that C was not adequately advised nor her interest properly protected.

F b) Absence of Indeerjit Singh at the inquiry

No adequate explanation was forthcoming from R why Indeerjit was not called to whom a sum of RM24,900.00 was supposed to have been disbursed pursuant to the instructions given by C and her mother. If the money was not paid to Indeerjit to whom did R pay the money? This G questions was not answered by R.

c) Contradictions in the documents

The so-called friendly loan agreement between Indeerjit and C dated 4.8.2010 - Under clause 2(a) of this agreement C has deposited the original title of the H property with Indeerjit as security for the loan together with the memorandum of transfer executed in escrow and yet the sales and purchase agreement entered into between C and Rewati does not mention about the security arrangement between C and Indeerjit. After all I deposit of title is an equitable mortgage and there are provisions in the NLC as regards this sort of security.

Difference between the purchase price and the consideration stated in the sale and purchase agreement is glaring. The figures simply do not add up. If C agreed to sell the property for only RM36,000.00 how was it possible for C to authorise R to make payments far in excess of the selling price: Indeerjit Singh - RM24,900.00, Segaran - RM9,300.00 and R for professional charges - RM1,807.00 making it a total of RM36,007.00. What about the deposit of RM8,000.00 paid to C as deposit at the time of the execution of the sale and purchase agreement?

R's own documents are evidence that C was not told the whole truth and what the transaction was about and was simply asked to sign documents without being explained. R also used her office as market place for unlicensed moneylenders. It appears to be a wholesale swindle of illiterate client to which R was a party. DC was entitled to consider the evidence in the context of surrounding circumstances and in my view did not err in its fact-finding exercise.

The Board ordered R be struck off the Roll of Advocates and Solicitors with effect 21 days from the date of the Order.

Yours faithfully,
t.t.
Tomis Peter Samat
Director
Complaints Secretariat

[28] Jelasnya di dalam surat tersebut, LT bersetuju untuk menerima dapatan dan syor JT. Namun begitu, bukan sekadar itu tindakan LT. Semasa mempertimbangkan laporan, LT menambah tiga lagi dapatan sokongan sebagai tambahan kepada dapatan JT. Ketiga-tiga dapatan sokongan tersebut telah dijadikan sebahagian alasan bagi pihak LT mengesahkan syor JT untuk memerintahkan nama perayu dinyahkan dari Daftar Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya sedangkan ketiga-tiga dapatan sokongan tersebut tidak pernah dibangkitkan responden di dalam aduannya. Dengan tindakan LT tersebut, perayu telah dinafikan hak pendengaran yang adil. Perayu tidak berpeluang membela diri di atas ketiga-tiga dapatan sokongan tersebut kerana perkara tersebut tidak pernah menjadi sebahagian dari dakwaan yang dibuat terhadapnya. Dengan itu juga, mahkamah ini mendapati bahawa perayu telah diprejudis dengan penyenaraian tiga alasan sokongan baru oleh LT tersebut.

[29] Jaminan bagi mendapatkan hak untuk pendengaran yang adil telah termaktub di dalam undang-undang tertinggi negara, Perlembagaan Persekutuan. Di dalam kes *Bar Malaysia v. Neasarani T Singara Thevar & Anor* [2016] 8 CLJ 634; [2016] 1 MLRA 120 Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

A [8] We have read the appeal records and able submission of the parties. After much consideration to the submission of the learned counsel for the appellant, we take the view that the appeal must be dismissed. Our reasons *inter alia* are as follows:

(i) Disciplinary action are *quasi* penal in nature. Procedural fairness in such proceeding is part of constitutional guarantees under the Federal Constitution. Support for the proposition is found in a number of cases. We do not wish to set them out here. [See *Bato Bagi v. Kerajaan Negeri Sarawak* [2013] 5 BLR 727].

(ii) In addition the respondent's citation of the following cases in support of their proposition that:

(a) the DC has no jurisdiction to go beyond the Complainant and make a finding of guilty on a matter not before it i.e. jurisdictional failure; and/or

(b) even if it has the jurisdiction, the additional complaint and/or allegation had to be put first to the respondent, to allow them to give an explanation, otherwise it would tantamount to making a decision behind the back of the respondent.

was useful in arriving at this decision, namely:

(i) *Tan Tiang Hin Jerry v. Singapore Medical Council* [2000] 2 SLR 274; (ii) Seah Pong Tshai [1992] 1 SLR 399; (iii) *Fairmont Investment v. Secretary for the Environment* [1976] 2 All ER 865; (iv) *H. Sabey & Co Ltd v. Secretary of State for the Environment & Ors* [1978] 1 All ER 586. (iii) In the instant case, the complaint by the complainant had nothing to do with money lending transaction. The DC was not mandated to inquire misconduct relating to money lending transaction. The DC conclusion reads as follows:

We are of the opinion that the Respondents as Advocates and Solicitors facilitated a money-lending transaction such as that in the present case is highly improper.

This is perverse and the DC had acted outside its jurisdiction.

Oleh itu, pergantungan LT ke atas ketiga-tiga alasan sokongan bagi membuat perintah terhadap perayu adalah satu kesilapan yang material dan memudaratkan.

Kesimpulan

[30] Berdasarkan kepada alasan-alasan tersebut, adalah didapati bahawa mahkamah ini perlu menjawab isu pertama, kedua dan keempat yang dibangkitkan pihak perayu secara positif.

[31] Secara ringkasnya, bagi isu pertama, berdasarkan prinsip duluan mengikat, keputusan kes *Rajehgopal Velu v. Ganashalingam Rajah; Majlis Peguam Malaysia (Intervener)* (*supra*) perlu diikuti. Pada nada yang sama, mahkamah ini juga bersetuju bahawa bagi tindakan tatatertib yang melibatkan hukuman yang berbentuk penal, pihak yang menghadapi

tindakan perlu tahu dengan jelas tuduhan yang dihadapinya. Oleh itu satu tuduhan secara formal perlu digubal oleh JT yang menjalankan siasatan ke atas perayu.

[32] Bagi isu kedua pula, JT gagal memberikan pertimbangan yang betul di dalam memutuskan pihak yang perlu memikul beban membuktikan dakwaan yang dikemukakan.

[33] Akhirnya, bagi isu ketiga, jelas LT telah bertindak di luar bidang kuasa apabila telah mengambil kira perkara yang tidak menjadi subjek kepada aduan responden ke atas salah laku perayu. Dengan itu, perayu telah dinafikan hak pendengaran yang adil.

Keputusan

[34] Prosiding di hadapan JT diselaputi dengan kesilapan yang boleh menjejaskan keesahan dapatan dan syor yang dilaporkan kepada LT. Perintah LT yang berasaskan kepada dapatan dan syor yang tidak sah adalah tidak selamat untuk dipertahankan. LT semasa mempertimbangkan dapatan dan syor JT telah menambah alasan yang bukannya menjadi asas tindakan menjadikan perintah LT lebih mudarat. Perintah LT perlu diketepikan. Rayuan perayu melalui usul pemula ini wajar dibenarkan. Perintah seperti yang dipohon.

[35] Tidak ada sebarang perintah dibuat ke atas kos tindakan.